



Bahagian Penganjuran Pelajaran  
Tingkat 10, Ibu Pejabat MARA  
21, Jalan MARA  
50609 Kuala Lumpur

Bil.MARA : MARA 100-1/5/13(01)  
Tarikh : 27 Oktober 2020  
: 10 Rabiulawal 1442H

## **SURAT EDARAN BAHAGIAN PENGANJURAN PELAJARAN BIL. 1/2020**

### **PELAKSANAAN KADAR BAHARU PENDAPATAN KASAR BULANAN IBU BAPA/ PENJAGA BAGI SKIM PENDAHULUAN PINJAMAN PELAJARAN MARA**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Edaran ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan kadar baharu pendapatan kasar bulanan ibu bapa/ penjaga untuk permohonan Skim Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA (SPPPM) bagi kemasukan ke Institut Pendidikan MARA (IPMA).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

2.1 Skim Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA (SPPPM) adalah untuk membantu pelajar dari golongan kurang berkemampuan untuk persediaan atau kelengkapan belajar sebelum memasuki Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara.

2.2 Kadar semasa bayaran wang pendahuluan adalah berjumlah RM 2,000.00 bagi seorang pelajar dengan mengambil kira jumlah pendapatan kasar bulanan ibu bapa/ penjaga berjumlah RM 4,000.00 sebulan.

. 2.3 Mesyuarat Majlis MARA Ke - 506 (Bil.12 Tahun 2020) pada 28 Ogos 2020 telah meluluskan Perubahan Kadar Pendapatan Kasar Bulanan Ibu Bapa/ Penjaga daripada RM4,000.00 kepada RM6,000.00.

### **3.0 PELAKSANAAN**

- 3.1 Pemberian wang pendahuluan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di Institut Pendidikan MARA (IPMA) dengan pendapatan kasar bulanan ibu bapa/ penjaga hendaklah tidak melebihi RM6,000.00 sebulan.
- 3.2 Walau bagaimanapun bagi ibu bapa/ penjaga pelajar yang berpendapatan melebihi RM6,000.00 sebulan, pertimbangan boleh diberi tertakluk kepada bilangan tanggungan mengikut garis panduan ‘Jadual Pemarkahan Kelayakan Pendapatan Bagi Permohonan Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA’ seperti dinyatakan di **Lampiran A**.
- 3.3 Kaedah pelaksanaan adalah seperti garis panduan yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Am MARA Bil.1/2009 dan Surat Pekeliling Am MARA Bil. 3/2011.
- 3.4 Syarat – syarat dan garis panduan permohonan pinjaman pendahuluan adalah seperti di **Lampiran B**.
- 3.5 Peruntukan pendahuluan adalah berdasarkan kepada peruntukan yang disediakan dari semasa ke semasa tertakluk kepada belanjawan yang diagihkan kepada BPP.

#### **4.0 TARIKH KUAT KUASA**

- 4.1 Surat Edaran ini berkuat kuasa bagi pelajar yang memohon menggunakan ePendahuluan mulai 1 September 2020 dan hendaklah dibaca bersama;
- i. Surat Pekeliling Am MARA Bil. 1/2009 bertarikh 14 Januari 2009 iaitu Pelaksanaan Skim Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA Bagi Pelajar-pelajar Baru di Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPTT);
  - ii. Surat Pekeliling Am MARA Bil. 3/2011 bertarikh 8 Februari 2011, iaitu Pindaan Pelaksanaan Skim Pendahuluan Pinjaman Pelajaran MARA dan Penggunaan Sistem ePendahuluan.

#### **5.0 PENUTUP**

Kerjasama Pengarah MARA Negeri (PMN) adalah diminta untuk memaklumkan perkara ini kepada semua warga kerja dibawah seliaan masing – masing.

Sekian, terima kasih

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“LUAR BANDAR SEJAHTERA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**SITI AMINAH BINTI ABD. KADIR**  
Pengarah  
Bahagian Pengahjuran Pelajaran  
MARA

Keusahawanan  
& Pendidikan   
*“Amanah rakyat”*

**LAMPIRAN A****JADUAL PEMARKAHAN KELAYAKAN PENDAPATAN BAGI PERMOHONAN  
PENDAHULUAN PINJAMAN PELAJARAN MARA**

JUMLAH PENDAPATAN BULANAN	PEMARKAHAN MENGIKUT BILANGAN TANGGUNGAN									
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
6,000 ke bawah	50	51	52	53	54	55	56	57	58	59
6,001 - 6,200	49	50	51	52	53	54	55	56	57	58
6,201 - 6,400	48	49	50	51	52	53	54	55	56	57
6,401 - 6,600	47	48	49	50	51	52	53	54	55	56
6,601 - 6,800	46	47	48	49	50	51	52	53	54	55
6,801 - 7,000	45	46	47	48	49	50	51	52	53	54
7,001 - 7,200	44	45	46	47	48	49	50	51	52	53
7,201 - 7,400	43	44	45	46	47	48	49	50	51	52
7,401 - 7,600	42	43	44	45	46	47	48	49	50	51
7,601 - 7,800	41	42	43	44	45	46	47	48	49	50
7,801 - 8,000	40	41	42	43	44	45	46	47	48	49
8,001 ke atas	39	40	41	42	43	44	45	46	47	48

**NOTA:****Kawasan Pemarkahan Yang Layak Diberi Pertimbangan**

- Kawasan berlorek di mana tahap markah 50 ke atas adalah layak diberi pertimbangan. Sebagai contoh jika jumlah pendapatan kasar bulanan ibu bapa / penjaga ialah RM7,700.00 sebulan dengan bilangan anak 10 orang maka permohonan layak diberi pertimbangan. Sekiranya bilangan anak kurang dari 10 orang maka permohonan tidak layak untuk diberi pertimbangan.
- Bilangan tanggungan adalah jumlah tangggungan keluarga termasuk pemohon, ibu bapa kepada pemohon serta ibu bapa kepada penjaga (sekiranya ada).

## LAMPIRAN B

### **SYARAT-SYARAT DAN GARIS PANDUAN PERMOHONAN**

1. Pelajar telah ditawarkan mengikuti pengajian secara sepenuh masa di peringkat program Persediaan / Pra-Universiti, Sijil, Diploma atau Ijazah Pertama (Sarjana Muda) di Institusi Pendidikan MARA (IPMA).
2. Pendahuluan pinjaman pelajaran boleh dipertimbangkan kepada seorang pelajar bagi setiap peringkat pengajian sekiranya pelajar tersebut melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Jika peringkat pengajian yang sama, permohonan tidak layak dipertimbangkan.
3. Pelajar yang terdiri daripada mereka yang telah bekerja atau sedang mengikuti pengajian tidak layak dipertimbangkan.
4. Hanya permohonan daripada pelajar yang mengikuti program pengajian serta bidang kursus yang dikendalikan di IPMA yang berdaftar dengan MARA sahaja boleh diberi pertimbangan.
5. Pelajar hendaklah membuat permohonan Pendahuluan secara “online” di laman sesawang MARA (<http://www.mara.gov.my/ePendahuluan>) sebulan sebelum tarikh pendaftaran atau selewat-lewatnya dua (2) minggu selepas pendaftaran.
6. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dicetak dan disertakan seperti senarai semak di **Lampiran C**, bersama dokumen sokongan berikut:-
  - i. Salinan kad pengenalan pelajar dan ibu bapa/ penjaga;
  - ii. Salinan sijil kelahiran pelajar dan ibu bapa/ penjaga;
  - iii. Salinan penyata gaji atau salinan Borang BE (cukai pendapatan) terkini bagi ibu bapa/ penjaga yang bekerja dengan majikan (penyata disahkan)

- iv. Surat pengesahan pendapatan seperti di **Lampiran D** sekiranya ibu bapa/ penjaga bekerja sendiri (tidak bekerja/ tiada cukai pendapatan) dengan pendapatan kasar tidak dikenakan cukai;
  - v. Salinan kad pengenalan dan salinan penyata gaji atau surat pengesahan pendapatan bagi Penjamin seperti Borang Pengesahan Pendapatan di **Lampiran D**; dan
  - vi. Surat tawaran asal dan salinan kemasukan ke IPMA.
7. Borang permohonan, salinan dokumen dan kad pengenalan hendaklah disahkan oleh Pegawai Pengesah yang telah ditetapkan seperitimana syarat - syarat Pengesahan Dokumen Pendapatan Pinjaman Pelajaran MARA.
8. Setelah mendapat kelulusan, pelajar dikehendaki mencetak satu (1) salinan Surat Perjanjian Pendahuluan melalui sistem ePendahuluan.
9. Penyempurnaan Surat Perjanjian:
- i. Pelajar dan penjamin hendaklah menyerahkan tiga (3) salinan Surat Perjanjian Pendahuluan. Dua (2) salinan surat perjanjian hendaklah dimatikan setem hasil RM10.00. Manakala satu (1) salinan lagi hendaklah disalin dari salah satu perjanjian yang telah dimatikan setem tersebut.
  - ii. Surat perjanjian dan dokumen-dokumen berkaitan hendaklah dikembalikan kepada PMN bagi mengesahkan kesempurnaan dokumen - dokumen dan sekiranya lengkap, pembayaran wang pendahuluan dibuat kepada pelajar.
  - iii. Surat Perjanjian disempurnakan oleh Pengarah / Timbalan Pengarah MARA Negeri bagi pihak MARA dengan disaksikan oleh Pegawai Latihan Negeri (STO) atau Pegawai MARA Daerah (PMD) atau Penolong Pegawai MARA Daerah (PPMD).

- iv. Dua (2) dokumen Surat Perjanjian yang dimatikan setem perlu diserahkan kepada Pelajar dan Penjamin untuk simpanan.
  - v. Satu (1) salinan surat perjanjian yang dimatikan setem beserta satu (1) salinan surat tawaran untuk simpanan di PMN.
  - vi. Pengesahan saksi untuk surat perjanjian bagi Pelajar dan Penjamin disempurnakan oleh:
    - a. Wakil Rakyat / Jaksa Pendamai;
    - b. Penghulu, Ketua Mukim, Ketua Kampung dan Imam Masjid Kariah yang dilantik oleh pihak berkuasa negeri yang mempunyai cop jawatan rasmi;
    - c. Semua pegawai - pegawai Kerajaan dan Badan Berkanun dalam Kumpulan A dan B;
    - d. Pegawai MARA dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau STO, PMD atau PPMD;
10. Surat Perjanjian yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Pejabat MARA Negeri (PMN) yang terdekat mengikut alamat terkini pelajar untuk disempurnakan dan pihak PMN.
11. Setelah mendaftar di IPT, pelajar hendaklah mengisi borang pengesahan pendaftaran seperti di **Lampiran E**, dan menghantarkan borang tersebut kepada Pejabat MARA Negeri (PMN) sebagai bukti telah mendaftar di IPT.

**LAMPIRAN C****PENDAHULUAN PINJAMAN PELAJARAN MARA  
SENARAI SEMAK DOKUMEN UNTUK FAIL PELAJAR**

NO.	DOKUMEN	ADA	TIADA
1.	Borang permohonan pinjaman pendahuluan pelajaran yang telah lengkap diisi.		
2.	Surat tawaran pendahuluan pinjaman pelajaran MARA.		
3.	Surat tawaran asal dan salinan kemasukan ke institusi pengajian.		
4.	Salinan kad pengenalan pemohon/ pelajar.		
5.	Salinan sijil kelahiran pemohon/ pelajar.		
6.	Salinan kad pengenalan ibu bapa/ penjaga.		
7.	Salinan sijil kelahiran ibu bapa/ penjaga.		
8.	Salinan penyata gaji dan salinan Borang BE (cukai pendapatan) terkini bagi ibu bapa / penjaga bekerja dengan majikan (penyata disahkan oleh majikan).		
9.	Surat pengesahan pendapatan ibu bapa / penjaga yang telah disahkan (Lampiran D) (bekerja sendiri/tidak bekerja/tiada cukai pendapatan).		
10.	2 salinan surat/ dokumen perjanjian yang telah dimatikkan setem dengan tandatangan peminjam, penjamin, Pegawai MARA dan saksi.		
11.	Salinan kad pengenalan (Penjamin).		
12.	Salinan penyata gaji atau surat pengesahan pendapatan (Penjamin) yang disahkan (Lampiran D) kepada yang bekerja sendiri.		
13.	2 – salinan surat /dokumen perjanjian yang dimatikkan setem dan lengkap ditandatangan oleh peminjam, penjamin, saksi dan STO/ Pegawai MARA.		

**NOTA:**

- i. Semua salinan dokumen hendaklah disahkan benar oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 / Kumpulan A ke atas) / Penggawa / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Ketua Kaum dan Ketua Anak Negeri.
- ii. Memastikan surat/ dokumen perjanjian pinjaman pendahuluan telah lengkap.
- iii. Permohonan pelajar tidak akan diproses sekiranya pemohon/ ibu/ bapa/ penjaga disenarai hitam atau sedang dalam TINDAKAN UNDANG-UNDANG MARA.

**LAMPIRAN D****BORANG PENGESAHAN PENDAPATAN**

**Pengarah**  
MARA Negeri

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama	:
No. Kad Pengenalan	:
Alamat Menetap	:

Adalah (ibu / bapa / penjaga / penjamin) kepada pelajar memohon pendahuluan;

Nama	:
No. Kad Pengenalan	:

Mengesahkan bahawa saya (tidak bekerja / bekerja sendiri / pesara)

---

(nyatakan pekerjaan)

Dengan pendapatan sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebulan.

**(Disahkan oleh Pegawai Pengesah)**

.....  
(Nama & Cop Jawatan)

NOTA: Hanya boleh disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 / Kumpulan A ke atas) / Penggawa / Penghulu / Ketua Kampung / Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) / Ketua Kaum dan Ketua Anak Negeri.

## LAMPIRAN E



### PENGESAHAN DAFTAR PELAJAR

NAMA: \_\_\_\_\_

NO. KAD  
PENGENALAN: \_\_\_\_\_ NO. ID  
PELAJAR: \_\_\_\_\_

PUSAT  
PENGAJIAN: \_\_\_\_\_

TARIKH DAFTAR: \_\_\_\_\_ NO. H/P: \_\_\_\_\_

EMEL: \_\_\_\_\_

**PENGAKUAN:** Saya mengaku bahawa segala kenyataan di atas adalah benar. Saya faham pihak MARA berhak menolak permohonan / menarik balik bantuan sekiranya maklumat di atas didapati salah / palsu.

TANDA TANGAN: \_\_\_\_\_

### PENGESAHAN PENGAJIAN

(Disahkan oleh pegawai bertanggungjawab bagi institusi pengajian)

NAMA: \_\_\_\_\_

JAWATAN : \_\_\_\_\_

INSTITUSI: \_\_\_\_\_

TANDA TANGAN & COP RASMI :

TARIKH :

**Nota:**

- Serahkan borang pengesahan pendaftaran pengajian ini ke Pejabat MARA Negeri